

23/02/1999

Agihan kerusi secara muafakat

ruddin

KOTA KINABALU, Isnin - Pengagihan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah antara parti komponen Barisan Nasional (BN) Negeri akan diselesaikan sebelum hari penamaan calon, berasaskan semangat setiakawan dan muafakat.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Osu Sukam, akan menemui Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lama lagi untuk berbincang mengenai perkara itu.

Menurut Osu, Umno Sabah perlu mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir kerana kedudukannya sebagai Presiden parti.

"Saya sendiri akan berjumpa Presiden parti, selain berbincang dengan parti komponen lain berhubung perkara itu," katanya kepada pemberita selepas pengumuman pembubaran DUN oleh Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok di DUN Sabah di sini hari ini.

Osu yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, setakat ini Umno belum boleh memastikan jumlah kerusi bakal ditandinginya, tetapi yakin dapat menyelesaikannya dalam tempoh singkat.

Beliau juga belum dapat memastikan sama ada berlaku pertukaran kawasan antara Umno dengan parti komponen lain sebelum perbincangan akhir dengan semua pemimpin parti berkenaan.

Osu bagaimanapun tidak menolak kemungkinan ada permintaan bertindih daripada parti komponen terhadap beberapa kerusi DUN, tetapi yakin mampu diselesaikan dalam tempoh terdekat ini berdasarkan semangat muafakat BN.

Ditanya sama ada semua 21 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Umno sekarang dikekalkan, Osu berkata: "Kita terpaksa tunggu sehingga soal calon itu diselesaikan terlebih dahulu. Tetapi saya yakin ia dapat dilakukan sebelum hari penamaan calon."

Ketika ini, selain 23 Adun Umno termasuk dua dilantik, BN Sabah diwakili 11 ADUN Parti Demokratik Sabah (PDS), enam Parti Maju Sabah (SAPP), tiga Akar Keadilan Rakyat (Akar), dua Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) serta seorang MCA.

Presiden Akar, Datuk Pandikar Amin Mulia pula berkata, semua persiapan parti itu berjalan lancar dan usaha intensif dilakukan sejak Mac tahun lalu selepas pilihan raya percubaan diadakan.

Menurutnya, peluang menang cerah jika semua penyokong BN bersatu hati dan berpadu tenaga dalam memastikan calonnya memenangi kerusi yang dipertandingkan.

Mengenai pencalonan, beliau berkata semua itu diserahkan kepada pucuk pimpinan BN untuk menentukan dan pihaknya akur dengan semua keputusan.

Pengerusi MCA Sabah, Datuk Chau Tet On, berkata parti itu tidak terjejas oleh tindakan anggota partinya termasuk Ketua Wanita, Christine Liew yang meletak jawatan dua minggu lalu kerana semua persiapan rapi sudahpun dibuat bagi menghadapi pilihan raya kali ini.

Katanya, tempat Liew diganti Judy Heng dan MCA bersedia menawan semula DUN Api-Api jika beliau dicalonkan pucuk pimpinan BN.

Parti itu mengemukakan permohonan bagi tiga kawasan. Selain Api-Api, dua kawasan lain ialah Karamunting (tempat Timbalan Pengerusi MCA, Albert Khoo) dan Sri Tanjung (Naib Pengerusi MCA, Charlie Cheng).

Bagaimanapun, katanya, MCA menerima apa juga keputusan pucuk pimpinan BN dengan hati terbuka kerana yang penting adalah kemenangan BN.

(END)